

Headline **Pengubah stigma aids**
Date **22 Nov 2009**
MediaTitle **Kosmo Ahad**
Section **Semasa**
Journalist **AHMAD SYAKIR SAZILI**
Frequency **Daily**
Circ / Read **109,892 / 269,000**

Language **Malay**
Page No **24**
Article Size **619 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **7,416**
PRValue **22,249**



Headline **Pengubah stigma aids**
Date **22 Nov 2009**
MediaTitle **Kosmo Ahad**
Section **Semasa**
Journalist **AHMAD SYAKIR SAZILI**
Frequency **Daily**
Circ / Read **109,892 / 269,000**

Language **Malay**
Page No **24**
Article Size **619 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **7,416**
PRValue **22,249**

KETERUJAAAN mengelilingi atmosfera diri Dayang Nurfaizah apabila dia dapat berduet dengan penyanyi pujaannya, Marcell Siahaan - penyanyi Indonesia yang terkenal dengan *Semusim*.

Lagu tersebut menyajikan kesebatian suara dua penyanyi tersebut.

Lebih daripada itu, dia kini sedang bertungkus-lumus menyiapkan album yang dijangka keluar Mac tahun hadapan. Lagu tersebut akan dimasukkan ke dalam kedua-dua album Dayang dan Marcell.

Album yang dibikin menggunakan bajet sendiri ini turut akan memuatkan lagu *Kutemu Cahaya* garapan Yasin.

Memberi sumbangan dan keupayaan dirinya sebagai selebriti, Dayang berjuang untuk Program Selebriti Sokongan Riben Merah 2009/2010, bekerjasama dengan MAC dan Yayasan AIDS Malaysia (MAF) bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan rakyat negara ini mengenai penyakit tersebut. Kata Dayang, bukan semua golongan faham

akan perihal AIDS dan ia jelas sekali perlukan perubahan.

LIHAT PESAKIT AIDS

Saya bersama 10 artis yang lain antaranya Fahrin Ahmad, Urmie Aida, Datuk Siti Nurhaliza dan Faizal Tahir terpilih sebagai duta Selebriti Sokongan Riben Merah. Tugas selebriti ini adalah untuk memberi maklumat dan mengubah stigma dan diskriminasi masyarakat kepada golongan pesakit AIDS/HIV.

Kami cuba menggunakan pengaruh untuk khalayak mendapat informasi yang betul tentang AIDS dan HIV. Saya sempat melawat Rumah Cahaya Harapan di Pulau Pinang dan melihat keadaan pesakit di situ.

Kebanyakannya bukan orang senang dan mereka sebenarnya malu jika orang luar mengetahui mereka menghidap penyakit tersebut. Walau cuma satu peratus sumbangan, tetapi saya rasa dapat membantu dengan apa yang patut.

SAYANG

Buat kali pertama selepas 10 tahun, saya akan berduet dengan penyanyi lelaki iaitu Marcell Siahaan. Kami menyanyikan lagu hasil kreativiti Omar K berjudul *Sayang*.

Perancangan sebenarnya sudah tiga tahun tetapi kini segalanya terjadi dengan masa dan lagu yang sesuai. Saya seronok dan puas hati dapat berduet dengan salah seorang penyanyi kegemaran saya.

Lagu ini santai dan senang untuk didengar dan tidak ada (vokal) jeritan-jeritan saya.

TELEFON MODEL SIDEKICK

Semua maklum yang saya tidak mempunyai telefon bimbit. Tetapi saya sukakan telefon T-mobile model Sidekick. Bagi saya, telefon bimbit adalah alat untuk berhubungan hanya jika perlu. Bukan untuk bercakap kosong.

Justeru, saya tidak ada masalah berkomunikasi walaupun tiada telefon kerana memang bersama pengurus atau keluarga. Dulu memang ada tetapi selalu hilang. Tetapi kalau ada syarikat telekomunikasi mahu menaja, saya tiada masalah.

RETRO

Sebut retro saya akan terus terbayang lagu-lagu. Banyak lagu retro yang saya suka. Tapi jika diberi pilihan, saya mahu kembali ke tahun 70-an kerana fesyen dan lagu-lagunya. Mahu mengalami sendiri *groove* tahun 70-an.

BAJET SENDIRI

Sekarang, saya kembali membuat album dengan bajet sendiri. Tiada gangguan dan rasa sangat gembira serta berpuas hati dengan segala perjalanan kerja.

Walaupun perlahan tetapi menyenangkan. Keupayaan membuat album dengan bajet sendiri tidak terasa kerana semua dilakukan dengan senang hati. Saya sudah rasa ini untuk album *Dayang Sayang Kamu* dan kini yakin dengan perjalanan kerjaya saya ini semula.